

SOALAN LAZIM

PERJALANAN PERCUMA BERSEMPENA PEMBUKAAN PERKHIDMATAN MRT LALUAN PUTRAJAYA FASA 2 (PFR15)

Perkhidmatan MRT Laluan Putrajaya sepanjang 57.7km telah dibuka sepenuhnya pada 16 Mac 2023, 3.00 petang oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim di Depoh MRT Serdang. Pengoperasian penuh perkhidmatan MRT Laluan Putrajaya dari stesen Kwasa Damansara ke Putrajaya Sentral ini akan dikendalikan oleh Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail), sebuah anak syarikat Prasarana Malaysia Berhad.

1. Apakah Perjalanan Percuma 15 Hari MRT Laluan Putrajaya (PFR15)?

PFR15 adalah tawaran perjalanan percuma selama 15 hari bermula 16 Mac hingga 31 Mac 2023 kepada semua pelanggan MRT laluan Putrajaya dan bas perantara MRT laluan Putrajaya.

2. Siapakah yang boleh menikmati PFR15?

PFR15 ditawarkan kepada semua pelanggan Rapid KL yang menggunakan MRT laluan Putrajaya dan bas perantara MRT laluan Putrajaya.

3. Saya adalah pelanggan MRT laluan Putrajaya dan menggunakan pas My50, bagaimanakah saya boleh menebus PFR15?

Anda boleh membuat pembaharuan baru (30+15 hari) di mana – mana kaunter MRT Laluan Putrajaya (kecuali 4 stesen pertukaran MRT Laluan Putrajaya) selepas pas My50 anda tamat tempoh di antara 1 April hingga 30 April 2023. Anda akan mendapat 30+15 hari perjalanan tanpa had dengan membayar RM50.00 sahaja. Sila pastikan nilai baki minima RM5.00 dikekalkan dalam pas My50 anda. Anda masih akan dikenakan caj RM0.50 untuk setiap tambah nilai Touch 'n Go untuk pembaharuan pas My50 anda.

4. Apakah empat (4) stesen pertukaran MRT Laluan Putrajaya yang tidak dibenarkan untuk saya menebus My50 (30+15 hari)?

Empat (4) stesen pertukaran MRT Laluan Putrajaya yang tidak dibenarkan untuk penebusan My50 (30+15 hari) adalah seperti di bawah. Anda perlu menebus My50 (30+15 hari) di stesen MRT Laluan Putrajaya yang lain.

- (i) Kwasa Damansara
- (ii) Kampung Selamat
- (iii) Sungai Buloh
- (iv) Tun Razak Exchange (TRX)

5. Saya adalah pelanggan MRT Laluan Putrajaya dan menggunakan token/ kad Touch 'n Go/kad konsesi, bagaimanakah saya boleh menebus PFR15?

Sekiranya anda adalah pengguna token, anda boleh menikmati PFR15 dengan hanya ke mana - mana kaunter LRT, MRT, Monorel dan BRT, kami akan memberikan token PFR15 kepada anda. Anda boleh menggunakan token PFR15 di mana-mana stesen masuk atau/dan keluar yang melibatkan MRT Laluan Putrajaya untuk perjalanan sehala sahaja. Untuk pengguna kad Touch 'n Go dan kad konsesi pula, anda boleh sentuh kad anda di pintu masuk atau/dan keluar MRT Laluan Putrajaya dan tiada sebarang caj akan dikenakan sepanjang PFR15. **Untuk keterangan lebih lanjut, sila rujuk soalan no. 13.**

6. Sepanjang tempoh PFR15, adakah saya boleh menaiki perkhidmatan bas perantara MRT Laluan Putrajaya?

Pengguna Token: Tidak boleh. Pengguna token harus memiliki kad Touch 'n Go untuk menaiki perkhidmatan bas perantara MRT Laluan Putrajaya.

Pengguna Touch 'n Go: Boleh. Tiada sebarang caj dikenakan. Walaubagaimanapun, pengguna harus memastikan untuk sentuh masuk dan sentuh keluar.

Pengguna My50: Pengguna boleh menggunakan perkhidmatan bas perantara MRT Laluan Putrajaya seperti biasa.

7. Sepanjang tempoh PFR15, adakah saya boleh menaiki perkhidmatan bas Rapid KL atau bas perantara LRT?

Pengguna masih boleh menaiki perkhidmatan bas Rapid KL dan bas perantara LRT. Walaubagaimana, **tiada tambang percuma akan diberikan** dan kadar tambang akan dikenakan seperti biasa.

8. Bolehkan saya menikmati kadar tetap di Park 'N Ride semasa tempoh PFR15?

Ya, anda boleh menikmati kadar rata di kemudahan LRT dan MRT Park 'N Ride semasa tempoh PFR15. Anda harus pastikan pas/ kad (My50/ Konsesi/ Touch 'N Go) disentuh di pintu masuk Park 'N Ride dan menggunakan pas/ kad yang sama untuk menggunakan perkhidmatan Rapid KL. Sila pastikan baki kad Touch 'n Go anda mencukupi.

9. Saya merupakan pengguna MRT Laluan Putrajaya dan ingin membeli pas berkumpulan/pas MyCity/pas My50 sepanjang tempoh PFR15. Adakah saya boleh membeli pas berkumpulan/pas MyCity/pas My50 di mana – mana kaunter MRT Laluan Putrajaya?

Tiada sebarang penjualan pas akan dilakukan di mana – mana kaunter MRT Laluan Putrajaya sepanjang tempoh PFR15. Walau bagaimanapun, sekiranya perjalanan anda

tidak melibatkan MRT Laluan Putrajaya atau bas perantara MRT Laluan Putrajaya, anda hendaklah membeli mana-mana pas untuk menikmati perjalanan tanpa had pada harga yang telah ditetapkan.

10. Saya telah membeli pas MyCity 3-Hari di MRT laluan Putrajaya pada 15 Mac 2023, bagaimanakah saya dapat menebus perjalanan percuma saya ini?

Anda boleh menebus dua (2) hari baucar perjalanan percuma anda (16 dan 17 Mac 2023) di mana-mana kaunter MRT laluan Putrajaya sahaja. Tempoh sah laku adalah 30 hari dari tarikh baucar perjalanan yang dikeluarkan

11. Saya tidak mengetahui tentang PFR15 ini dan saya telah memperbaharui pas My50 saya pada 16 Mac 2023 di salah satu stesen MRT Laluan Putrajaya. Bolehkah saya mendapat bayaran semula?

Tidak, anda tidak boleh mendapat bayaran semula. Anda perlulah menggunakan pas My50 anda sehingga tamat tempoh dan anda akan diberikan perjalanan percuma selama 15 hari pada pembaharuan seterusnya. Pembaharuan pas boleh dilakukan di mana – mana kaunter MRT Laluan Putrajaya (kecuali 4 stesen pertukaran MRT Laluan Putrajaya) bermula 1 April hingga 30 April 2023. Tambahan 15 hari akan diberikan secara percuma dengan hanya membuat bayaran sebanyak RM50.00. Anda masih akan dikenakan caj RM0.50 untuk setiap tambah nilai Touch 'n Go untuk pembaharuan pas My50 anda.

12. Bolehkah saya mendapatkan token PFR15 di mesin TVM?

Tidak. Anda boleh mendapatkan token PFR15 dari mana-mana kaunter LRT/MRT/Monorel/BRT dan anda perlu memastikan destinasi awal atau/dan akhir anda melibatkan salah satu stesen MRT Laluan Putrajaya atau stesen pertukaran untuk menikmati perjalanan percuma sepanjang tempoh PFR15 ini. **Untuk keterangan lebih lanjut, sila rujuk soalan no. 15.**

13. Bolehkah bukan warganegara Malaysia menikmati PFR15?

Ya, PFR15 ini boleh dinikmati oleh semua pelanggan yang menggunakan MRT Laluan Putrajaya, termasuk bukan warganegara Malaysia untuk penggunaan token dan kad Touch 'n Go sahaja.

14. Senario- senario pelanggan.

Senario	Stesen Masuk	Stesen Keluar	Tambang
1	MRT Putrajaya	LRT Kelana Jaya LRT Ampang MRT Kajang MRT Putrajaya Monorel BRT	PERCUMA
2	LRT Kelana Jaya LRT Ampang MRT Kajang MRT Putrajaya Monorel BRT	MRT Putrajaya	PERCUMA
3	Bas Perantara MRT Laluan Putrajaya		PERCUMA
4	LRT Kelana Jaya LRT Ampang MRT Kajang Monorel BRT	LRT Kelana Jaya LRT Ampang MRT Kajang Monorel BRT	Kadar tambang seperti biasa untuk semua kategori: Tunai/ pas My50/ Touch 'n Go/ Konsesi
5	Rapid Bas/Bas Perantara LRT/Bas Perantara MRT Laluan Kajang		Kadar tambang seperti biasa untuk semua kategori: Pas My50/ Touch 'n Go/ Konsesi

15. Saya tidak menggunakan MRT Laluan Putrajaya. Bolehkah saya menggunakan token PFR15?

Tidak. Tindakan akan diambil dan anda dikehendaki membayar tambang penuh untuk destinasi yang dituju.

16. Saya telah menyentuh kad masuk di stesen LRT KLCC dan menyentuh kad keluar di stesen MRT Tun Razak Exchange (TRX), adakah perjalanan saya adalah percuma sepanjang tempoh PFR15?

Ya, jika anda menyentuh masuk atau/dan keluar menerusi tujuh (7) stesen pertukaran seperti di bawah, anda akan menikmati perjalanan secara percuma.

- (i) Kwasa Damansara
- (ii) Kampung Selamat
- (iii) Sungai Buloh
- (iv) Titiwangsa
- (v) Tun Razak Exchange (TRX)
- (vi) Chan Sow Lin
- (vii) Sungai Besi

17. Saya telah menyentuh masuk kad Touch 'n Go saya di MRT Muzium Negara (MRT Laluan Kajang) untuk ke MRT Putrajaya Sentral (MRT Laluan Putrajaya) namun saya tidak menyentuh keluar di stesen MRT Putrajaya Sentral dan kembali semula ke MRT Muzium Negara, adakah saya akan dikenakan caj untuk perjalanan tersebut?

Ya, anda akan dikenakan caj tambang perjalanan seperti biasa. Anda perlu menyentuh masuk atau/dan keluar di mana – mana stesen MRT Laluan Putrajaya untuk mendapatkan tambang percuma. Untuk senario di atas, anda perlu menyentuh keluar di stesen MRT Putrajaya Sentral.

18. Saya adalah pelanggan MRT laluan Putrajaya dan menggunakan pas My50 tetapi MyKad/ MyTentera saya rosak/ tidak boleh dibaca semasa tempoh PFR15. Apakah yang perlu saya lakukan?

Anda perlu menukar MyKad di mana-mana kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Anda dinasihatkan untuk menggunakan kad Touch 'n Go, token atau kad konsesi (jika ada) sepanjang tempoh PFR15. Anda boleh membeli pas My50 menggunakan MyKad baru anda di mana – mana kaunter MRT Laluan Putrajaya bermula 1 – 30 April 2023.

**Proses penggantian MyTentera adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia.*

Anda boleh memohon bayaran balik untuk baki hari My50 hari anda dengan menyerahkan dokumen anda ke portal bayaran balik My50 di www.myrapid.com.my. Baki hari akan ditukarkan kepada nilai tunai. Permohonan bayaran balik mesti dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pembelian atau pembaharuan My50. Maklumat/dokumen

yang diperlukan untuk bayaran balik adalah:

- (i) Nombor MFG MyKad (boleh didapati dari Slip Pengembalian Nilai Touch n' Go dari JPN atau resit pembelian/pembaharuan My50 yang dikeluarkan oleh Rapid KL)
- (ii) Nama bank
- (iii) Nombor akaun bank
- (iv) Resit pembelian atau pembaharuan
- (v) Slip Pengembalian Nilai TNG dari JPN (terpakai untuk MyKad)

Sila rujuk: <https://myrapid.com.my/ms/resources/faqs/>

Prasarana Malaysia Berhad secara mutlak mempunyai hak untuk mengubah, memadam atau mengubah sesuai mana-mana maklumat tanpa sebarang notis awal.

Untuk maklumat lanjut dan pertanyaan, sila emelkan kepada kami di suggest@rapidkl.com.my atau hubungi kami di 03-7885 2585 pada hari Isnin hingga Jumaat, dari 7.00 pagi hingga 8.30 malam, Sabtu hingga Ahad dan Cuti Umum dari 7.00 pagi hingga 5.30 petang.